

Ibadah Haji dan Hikmahnya

Menunaikan Panggilan Tuhan ke Tanah Suci

Disusun oleh: Ahmad Sonhadji Mohamad

Pada bulan Dhu al-Hijjah yang mulia ini, tercatatlah suatu peristiwa yang bersejarah, kerana adanya hari Arafah yang sejarahnya terlampau amat lama semenjak manusia diturunkan ke dunia.

Perkataan Arafah adalah menjadi ((nama hari)), ((nama tempat)) dan ((nama pengenalan.)) ceritanya begini:

Manakala bapa kita Adam dan ibu kita Hawa *'alayhuma al-salām* diturunkan oleh Allah ke dunia setelah keduanya terkeluar dari syurga, Allah Ta'ala telah memisahkan keduanya.

Nabi Adam diturunkan di India dan Siti Hawa diturunkan di Jeddah. Akhirnya berjumpa di sebuah padang, lalu mengenali antara satu dengan yang lain. Semenjak itu digelar padang itu ((Padang Arafah)), hari itu pun digelar ((Hari Arafah)) dan peristiwa itu pun digelar ((peristiwa Arafah)).

Di sanalah Muslimin dari seluruh pelosok di dunia ini – pada bulan, hari, saat dan ketika yang seperti saat ini – mereka menghantarkan perwakilannya untuk berhimpun, berkenal-kenalan, di samping memenuhi seruan, menunaikan panggilan Nabi Allah Ibrahim *'alayhi al-salām* untuk mengerjakan haji.

Benarkah Nabi Ibrahim telah menyeru manusia untuk mengerjakan haji dan ziarah Ka'abah yang dibinanya semula?

Benar dan dengarlah apa yang difirmankan Tuhan:

*“Wa adhin fi al-nāsi bil-hajji ya'tūna rijālan wa 'alā kulli dāmirin ya'tūna min kulli fajjin 'amīqin”.*¹

“Dan serulah wahai Ibrahim kepada manusia mengerjakan haji, nescaya mereka itu datang dengan berjalan kaki dan menunggang kenderaan. Mereka datang dari pelosok negeri yang jauh-jauh.”

Semuanya menuju ke tempat yang satu, untuk cita-cita yang satu dan mengabdikan diri kepada Tuhan yang satu.

Maka dengan demikian, tenaga dan kekuatan umat Islam dapat menjadi satu.

Tiap-tiap umat Islam mestilah memenuhi tuntutan agamanya dengan melaksanakan rukun-rukunnya yang lima:

- (1) Mengucapkan dua kalimah syahadah dengan memercayakannya di dalam hati:

Ashhadu 'an lā ilāha illā Allāh

“Aku naik saksi bahawa tidak ada tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah”.

¹ Surah al-Hajj 22:27

Wa ashhadu ‘anna Muḥammadan RasūluLlāh

“Dan aku naik saksi bahawa Muhammad itu pesuruh Allah”.

- (2) Mendirikan sembahyang yang lima waktu, tetap mengikut waktu-waktunya. Kerana Tuhan telah menyatakan:

Inna al-ṣalāti kānat ‘alā al-mu’minīna kitāban mawqūṭā.

“Sesungguhnya sembahyang itu adalah menjadi kewajipan ke atas sekalian orang

mukmin dengan berwaktu”.

- (3) Mengeluarkan zakat bagi orang yang ada mempunyai harta untuk dibahagi-bahagikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya. Kerana Tuhan telah menyatakan:

Khudh min amwālīhim ṣadaqatan tuḥāhiruhum wa tuzakkīhūn.²

“Ambillah sedekah (zakat) daripada harta mereka itu untuk membersihkan mereka dan menghapuskan kesalahan mereka.”

- (4) Puasa sebulan Ramaḍān, untuk mendidik jiwa agar tahan menderita supaya dapat berjasa dan berbakti dengan hati yang benar-benar tulus. Kerana Tuhan telah menyatakan:

Yā ayyuha al-ladhīna āmanū kuṭiba ‘alaykumu al-ṣyūmu kamā kuṭiba


‘alā al-ladhīna min qablikum la‘allakum tattaqūn.³ Ayyāman ma‘dūdat.⁴

“Hai orang-orang yang beriman! Difardukan atas kamu puasa sebagaimana telah difardukan atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, mudah-mudahan kamu takut. Puasa itu adalah beberapa hari sahaja”

- (5) Mengerjakan haji. Tuhan telah menyatakan:

Wa liLlāhi ‘alā al-nāsi hijju al-bayti manis-taṭā‘a ilayhi

sabīla.⁵



Pada hari raya suara takbir yang melambangkan kebesaran Allah Yang Maha Besar. Kedegaran berkumandang di angkasa dari tiap-tiap masjid di dunia Islam seluruhnya.

Masjid yang tersergam dengan hebatnya ini ialah Masjid Sultan Singapura.

“Allah mewajibkan atas manusia mengerjakan haji, iaitu orang yang berdaya pergi ke sana.”

Kelima-lima rukun ini bila telah dapat dilaksanakan oleh seorang Muslim, maka sempurnalah tuntutan agama yang dibinakan ke atasnya.

Di antara rukun Islam yang lima tadi, maka ibadah haji yang paling berat mengerjakannya. Kerana untuk menunaikannya memerlukan banyak harta, tenaga dan waktu.

Erti haji itu ialah: Menziarahi Baitullah di Makkah

² Surah al-Tawbah 9:103

³ Surah al-Baqarah 2:183

⁴ Surah al-Baqarah 2:184

⁵ Surah Alī Imran 3:97

dengan mengerjakan ibadah yang tertentu, di tempat yang tertentu, pada masa yang tertentu dan dengan syarat-syarat yang tertentu pula.

Amalan haji itu mengandungi: Rukun-rukun, wajib-wajib, sunat-sunat dan meninggalkan perkara-perkara yang diharamkan serta menjauhkan perkara-perkara yang boleh mendatangkan rosaknya haji.

Tunaikanlah ibadah haji itu dan juga umrah dengan sempurna rukun-rukunnya, wajib-wajibnya dan sunat-sunatnya dengan menggunakan perbelanjaan yang halal, tahu bagaimana mengerjakannya, mempunyai tujuan semata-mata kerana haji atau kerana umrah sahaja – bukan kerana berniaga atau lainnya.

Dari Abu Hurairah *radīya Allāhu ‘anhu* katanya: “Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah berucap di hadapan kami katanya: Hai manusia! Allah telah mewajibkan kamu haji, maka hendaklah kamu tunaikan! Maka orang bertanya: Adakah diwajibkan tiap-tiap tahun Ya Rasulullah? Rasulullah berdiam diri sehingga tiga kali orang itu bertanya, maka jawab Baginda: “Sekiranya ku katakan ya, nescaya menjadi wajib – sedangkan kamu tidak sanggup.”

Dari hadis ini jelaslah bahawa haji menjadi kewajipan seumur hidup sekali. Demikian pula halnya umrah menjadi kewajipan seumur hidup sekali.

Pada zaman Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, ibadah haji itu adalah paling akhir diwajibkan mengerjakannya berbanding dengan lain-lain rukun Islam yang lima, iaitu diwajibkan pada tahun yang keenam selepas Nabi berhijrah ke Makkah. Sebelum ibadah haji itu dapat dikerjakan, maka.....

Pada tahun yang keenam hijrah, Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersama-sama 1,500 orang tenteranya yang melucutkan senjata telah keluar dari Madinah untuk mengerjakan ibadah umrah ke Makkah. Tetapi telah terhalang di jalan oleh orang-orang musyrikin Makkah yang tak membenarkan sehingga tak dapat mengerjakan umrah.

Pada tahun yang ketujuh, baharulah baginda dapat *mengqada’* umrahnya, dan hanya dapat tinggal tiga hari di Makkah, kerana selama itu sahaja kebenaran yang diberikan oleh orang-orang musyrikin Makkah kepada Baginda.

Pada tahun yang kelapan, 20 hari bulan Ramaḍān baginda telah keluar pula dari Madinah untuk menakluki negeri Makkah yang masih penuh dengan orang-orang musyrikin, di samping mengerjakan umrah dan berpuasa pula di dalam perjalanan. Pada masa itulah negeri Makkah dapat ditakluk, dan dengan demikian bebaslah orang-orang Islam menunaikan ibadah di sana.

Pada tahun yang kesembilan, Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah mengutuskan Saiyidina Abu Bakar al-Ṣiddiq *radīy Allāhu ‘anhu* menunaikan ibadah haji. Maka pada tahun yang kesembilan hijrah itulah mula-mula kewajipan haji dalam zaman Islam dapat ditunaikan. Dan pada hari Arafah Saiyidina Ali bin Abi Ṭalib *karama Allāhu wajhah* sebagai utusan Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah berpidato di hadapan khalayak ramai membacakan surah al-Barā‘ah sebagai perisytiharan mengadakan tindakan pembersihan terhadap orang-orang kafir dan musyrik supaya negeri Makkah tetap terpelihara kesudiannya, sehingga tidak dibenarkan diinjak apa lagi didiami oleh orang-orang kafir dan musyrik.

Baharulah pada tahun yang kedua puluh, Rasul Allah menunaikan haji dan umrah *wida'* dengan membawa semua isterinya yang disertai oleh umat Islam yang berjumlah tidak kurang dari 114,000 orang. Haji *wida'* itu ialah Haji yang pertama dan yang penghabisan bagi Nabi *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* mengerjakannya. Kerana selepas 81 hari dari menunaikan wukuf di Arafah, Baginda telah wafat.

Ada beberapa hadis yang menyebutkan tentang kelebihan ibadah haji itu, di antaranya:

“Al-hajj al-mabrūr laysa lahu jazā'a illā al-jannah.”

“Haji yang mabrur itu tak ada balasannya melainkan syurga.”

*“Man hajja falam yarfuth walam yafsuq kharaja min dhunūbihi kayawma waladathu ummuh.”*⁶


“Barang siapa yang mengerjakan haji maka tiada ia bersetubuh, dan tiada berbuat maksiat kembalilah ia bersih dari dosanya sebagaimana pada hari dilahirkan oleh ibunya.”

*“Man hajja hajjatan faqad adda farḍahu, wa man hajja thāniyyatan faqad dāyana rabbuhu, wa man hajja thalātha hijajin harrama Allāhu sha'rahu wa basharahu 'alā al-nār.”*⁷

“Barang siapa mengerjakan sekali haji sesungguhnya ia telah menunaikan kewajipannya. Dan barang siapa mengerjakan dua kali haji ia telah memberi piutang kepada Tuhannya. Dan barang siapa mengerjakan haji sampai tiga kali, Allah akan haramkan rambutnya dan kulitnya daripada disentuh oleh api neraka.”

Mewakili Haji:

Orang yang telah berkewajipan haji tetapi tak dapat menunaikannya sehingga mati, wajiblah ke atas warisnya



Masjid yang indah melambangkan keindahan seni bangunan Islam.

mewakikan orang menunaikan hajinya dengan memberikan upah dari harta peninggalan si mati. Begitu juga jika seseorang itu sakit yang tak ada harapan sembuh, wajib atasnya mewakikan orang menunaikan hajinya jika sebelum sakit dia kuasa haji tetapi tak menunaikannya.

Kaum Perempuan Digalakkan Haji:

Bukanlah ibadah haji bagi lelaki sahaja, bahkan juga bagi perempuan. Dengan syarat keluarnya bersama suaminya atau mahramnya atau bersama-sama perempuan-perempuan yang boleh dipercayai.

Sebaik berjihad atau berjuang bagi kaum

⁶ Hadith sebenar ialah “*Man hajja hadhā al-bayta, falam yarfuth, wa lam yafsuq, raja'a kayawma wa ladathu ummuhu*” (Sahih al-Bukhari 1820)

⁷ Hadith sebenar ialah “*Man hajja hajjatan adda farḍahu, wa man hajja thāniyyatan dāyana rabbuhu, wa man hajja thalātha hijajin harrama Allāhu sha'rahu wa basharahu 'alā al-nār*” (Hadith riwayat Baihaqi)

perempuan itu ialah mengerjakan haji yang mabrur. Ini telah diterangkan oleh Saiyidatina Aishah *radīya Allahu ‘anha*, katanya: “ Saya bertanya kepada Rasulullah, Ya Rasulullah! Tidakkah kami kaum perempuan disuruh pergi berperang atau berjuang bersama-sama kaum lelaki? Baginda menjawab: Tidak! Sebaik-baik jihad bagi kamu ialah haji yang mabrur. Kemudian kata Saiyidatina Aishah: Maka tidaklah saya tinggalkan ibadah haji itu semenjak saya dengar ini dari Rasulullah.”

Siapakah orangnya yang diwajibkan haji itu?

Yang diwajibkan haji itu ialah:

1. Orang Islam. 2. Sudah baligh. 3. Berakal.
4. Merdeka. 5. Kuasa, yang ada bekalan untuk dirinya, ada bekalan untuk orang-orang yang ditinggalkannya, ada kenaikan, aman perjalanan dan tiada suntuk masanya.

Rukun-rukun Haji:

1. Niat mengerjakan haji serta memakai ihram.
2. Wukuf di Padang Arafah, masanya daripada tenggelam matahari 9 hari bulan Dhu al-Hijjah dan habis masanya hingga terbit fajar 10 hari bulan Dhu al-Hijjah.
3. Tawaf mengelilingi Ka‘abah 7 kali.
4. Sa‘ie yakni berjalan ulang alik 7 kali dari Safa ke Marwah.
5. Bercukur atau mengunting rambut kerana tahallul untuk melepaskan pakaian ihram, dan
6. Mentertibkan rukun-rukunnya.

Wajib-wajib Haji:

1. Menunaikan haji dari miqāt yakni tempat

permulaan ihram, kalau dari negeri kita ini pergi dengan kapal laut hendaklah memulakan niat ihramnya di kawasan yang bersetentangan dengan Yamamlam. Dan kalau telah berada di Makkah, meniatkan di tempat tinggal masing-masing di Makkah.

2. Bermalam di Muzdalifah.
3. Melontar jamrah Aqabah pada 10 Dhu al-Hijjah dengan tujuh butir batu.
4. Bermalam di Mina pada 11, 12 dan 13 Dhu al-Hijjah. Melontar jamrah yang tiga (*ulā, wustā* dan *‘aqabah*) di Mina pada hari-hari tashrik. dan
5. Meninggalkan perkara-perkara yang haram melakukannya pada waktu mengerjakan ihram.

Sunat-sunat Haji:

Di antaranya, mandi sebelum hendak ihram, pakaian ihram itu ialah kain selendang dari kain putih yang bersih lagi baharu, kemudian sembahyang sunat ihram dua rakaat lalu membanyakkan membaca talbiah, dan jika mampu hendaklah membanyakkan sedekah. Dan jangan lupa menziarahi makam Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

Ada pun rukun-rukun haji: Ialah perkara pokok yang mesti dibuat supaya haji seseorang itu sah. Tiada boleh ia digantikan dengan dam (denda). Bererti jika ditinggalkan hajinya tidak sah.

Ada pun wajib-wajib haji: Ialah perkara yang sekiranya ditinggalkan mendapat dosa dan wajib membayar denda (dam) iaitu menyembelih seekor kambing di Makkah lalu dagingnya disedekahkan kepada fakir miskin, atau digantikan dengan sepuluh hari berpuasa, (iaitu 3 hari di Makkah

dan 7 hari di negerinya).

Ada pun sunat-sunat haji pula: Jika ditinggalkan, hendaklah atas orang yang meninggalkannya itu membanyakkan berbuat sedekah.

Orang-orang yang sedang mengerjakan haji, haram melakukan perkara-perkara ini:

Memakai pakaian yang berjahit, menutup kepada bagi lelaki dan menutup muka bagi kaum perempuan. Memakai bau-bauan bagi lelaki dan perempuan semasa berihram. Memotong kuku, mencukur, mengunting atau mencabut bulu-bulu di badan, memburu binatang buruan darat yang tidak menganas, mencabut rumput atau memotong pokok kayu yang ada di tanah haram.

Barang siapa melanggar larangan ini dikenakan denda (dam). Dan barang siapa melakukan akad nikah, tidak sah nikahnya.

Denda ke atas yang melanggar peraturan ihram:

1. Orang-orang yang melanggar peraturan ihram dikenakan denda (dam) iaitu menyembelih seekor kambing.

Kalau tak ada hendaklah puasa 3 hari atau memberi makan 6 orang miskin tiap-tiap hari dua kati beras.

2. Denda membunuh buruan, iaitu menyembelih seekor kambing jika buruan itu besarnya seperti kambing ke bawah, atau pun menyembelih seekor lembu atau unta jika besarnya seperti lembu atau unta, atau pun digantikan dengan membayar harganya sahaja. Kemudian kalau buruan itu sangat kecil, dendanya ditaksirkan sahaja harganya.

3. Jika seseorang itu bersetubuh di dalam masa ihram, rosak hajinya, maka wajib ia membayar denda yang dinamakan ((*kifārah*)) iaitu menyembelih unta, kalau tak ada diganti dengan 7 ekor kambing, kalau tak ada ditaksirkan harga unta yang kemudiannya dibelikan dengannya makanan lalu disedekahkan. Kalau tak ada, hendaklah berpuasa bagi tiap-tiap satu mud⁸ sehari puasa. Selain dari itu pula wajiblah ia meng*qada*'kan hajinya pada tahun hadapan.

Orang yang menunaikan haji itu hendaklah melafazkan demikian:

Allahumma innī urīdu al-hajja wa ahrantu bihi fayassirhu li wa taqabbalhu minnī.

“Ya Allah! Mudahkanlah bagi saya mengerjakan haji dan terimalah haji saya.”

Kemudian membaca talbiah, talbiah itu ertinya menjawab seruan atau menunaikan panggilan. Lafaznya ialah:

Labbayka Allāhumma labbayka labbayka lā sharīka laka labbayka inna al-ḥamda wa al-ni'mata laka wa al-mulka lā sharīka laka.

“Ya Allah! Inilah hamba-Mu datang menunaikan seruan-Mu, hamba-Mu datang menunaikan seruan-Mu Tuhan yang tak mempunyai sekutu, hamba-Mu datang. Sesungguhnya pujian dan nikmat kepunyaan-Mu, dan juga kerajaan ini hanyalah kepunyaan-Mu Tuhan yang tak mempunyai sekutu”.

(Dipetik dari makalah penyusunnya, al-Ustadh Ahmad Sonhadji Mohamad, yang telah disiarkan oleh Radio Singapura pada Hari Raya Haji yang lalu – P.Q.).



⁸ Bermaksud cupak